

## Kepentingan Prosodi dalam Lisan dan Hubungannya dengan Semantik Melayu



**Prof Madya Dr Indirawati Zahid**

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

**Tarikh:** Jumaat, 11 Mac 2011

**Masa:** 3.00-4.30ptg

**Tempat:** ALC Journal Room (NIE3-03-39)

Institut Pendidikan Nasional, NTU

### Abstrak

Komunikasi berkesan berhubungan dengan prosodi dan semantik masyarakat penutur sesuatu bahasa. Tanpa prosodi, semantik hanya dapat menjelaskan makna pada peringkat nahu sahaja. Situasi ini pastinya tidak dapat memberikan makna rujukan yang tepat dalam konteks yang berkenaan. Dalam konteks lisan, prosodi melibatkan fitur-fitur prosodi seperti intonasi, tekanan, julat suara, kelantangan, kualiti dan kualifier suara yang bersifat informatif.

Penggunaan fitur-fitur ini tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya sebaliknya sama ada disedari atau tidak, perancangan sudah pun berlaku dalam sistem kognitif manusia yang normal. Kompetensi ini berhubungan dengan *langue* dan *parole* seseorang individu. Justeru penggunaan kesemua fitur ini menambah jelas makna yang dirujuk dan makna emosi yang mengiringi ujaran. Kesemua ini menyediakan khalayak sasaran akan mesej yang sepatutnya dipersepsikan dengan tepat. Sehubungan dengan itu juga, sering kali kasus yang berlaku dapat dibahagikan kepada dua, iaitu tersurat=tersirat dan tersurat≠tersirat. Apabila kasus yang kedua berlaku maka di sinilah peranan prosodi diperlukan. Walau bagaimanapun bagi kasus pertama, iaitu tersurat=tersirat, tidak bererti peranan prosodi tidak diperlukan. Sebaliknya kerana impak kekuatan makna leksikal, prosodi kurang berperanan dalam kasus yang tersebut. Lanjutan itu, paparan contoh kedua-dua kasus ini akan diberikan untuk memperlihatkan bagaimana ia wujud dalam budaya masyarakat penutur bahasa Melayu.

### Biodata:

Prof Madya Dr Indirawati Zahid ialah Ketua Jabatan Dokumentasi, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau pakar dalam bidang fonetik akustik, prosodi, semantik dan pragmatik. Antara penyelidikan yang telah beliau lakukan termasuk pendokumentasian dan penotasian puisi Melayu tradisional dan melodi gurindam Melayu. Buku terbaru beliau, Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu Edisi Baru, akan terbit tahun ini.



Semua dipersilakan hadir!



## Antara Keseragaman dan Penstandardan: Ke Arah Pencapaian Pedoman Sebutan Bahasa Melayu Singapura



**Mohd Aidil Subhan**

Pensyarah, Institut Pendidikan Nasional

**Tarikh:** Rabu, 6 April 2011

**Masa:** 11.00-12.30tgh

**Tempat:** ALC Journal Room (NIE3-03-39)

Institut Pendidikan Nasional, NTU

### Abstrak

Pembakuan sebutan bahasa Melayu telah diperkatakan dalam perancangan korpus bahasa Melayu semenjak 1956. Isu utama yang sering diperkatakan adalah mengenai penentuan sebutan yang standard ataupun baku. Sebelum 1956, sebutan Johor-Riau telah dijadikan yang standard atas alasan bahawa rantau tersebut menjadi pusat perkembangan bahasa Melayu ketika itu. Namun, semenjak 1956, Kongres Bahasa & Sastera Melayu Ketiga telah meluluskan resolusi agar sebutan Johor-Riau tidak lagi diambil sebagai yang standard. Pada tahun 1988, Kerajaan Malaysia mula mendukung perubahan standard dari Johor-Riau kepada sebutan baku dan diamalkan dalam media massa serta sistem pendidikan mereka. Pada tahun 1993, Singapura pula melancarkan Program Sebutan Baku Bahasa Melayunya yang berlandaskan pedoman di Malaysia. Pada tahun 2000, kerajaan Malaysia telah memansuhkan pendukungan mereka akan sebutan baku dan telah kembali kepada sebutan Johor-Riau. Namun, Singapura masih lagi berpegang teguh kepada sebutan baku berlandaskan pedoman yang lalu.

Kertas ini akan mencatatkan sejarah perkembangan perancangan korpus bahasa Melayu dari aspek sebutan dan mengutarakan argumen menyokong dan membantah perlaksanaan sebutan baku bahasa Melayu. Akhir sekali, kertas ini akan memberi beberapa saranan mengenai langkah yang boleh diambil pihak Singapura dalam hal ini terutama sekali berdasarkan kemahiran abad ke-21 yang diperlukan dan berlandaskan perubahan lanskap pendidikan di Singapura.

### Biodata:

Pengkaji telah berkecimpung dalam dunia pendidikan selama 23 tahun sebagai seorang guru sekolah rendah, ketua subjek di sekolah menengah, dan kini pensyarah dalam bidang kurikulum & pedagogi di Institut Pendidikan Nasional. Bidang kajian beliau adalah perancangan kurikulum, gaya serta strategi pengajaran & pembelajaran, dan perancangan bahasa. Beliau kini sedang mengejar PhDnya dalam bidang perancangan bahasa dengan rujukan khusus terhadap dasar dwibahasa Singapura dan kesannya terhadap bahasa Melayu.



Semua dipersilakan hadir!



## 1: Kalis Google: Mengajar Pemikiran Kritis

## 2: Kerana Nila(i) Setitik: Menceduk dalam Belanga ICT bagi Pendidikan

**Puan Roszalina Rawi**

**Puan Nor Hanisah Saphari**

Felo Pengajar, Institut Pendidikan Nasional



**Tarikh:** Rabu, 27 April 2011

**Masa:** 11.00-12.30tgh

**Tempat:** ALC Journal Room (NIE3-03-39)

Institut Pendidikan Nasional, NTU

### Abstrak

**Penyampaian 1:** Dewasa ini, bila ditanyakan soalan yang sukar dijawab, perkara pertama yang dilakukan oleh pelajar (dan juga guru) adalah untuk “Google” soalan itu dan mencari jawapannya. Adakah fenomena “Google” melumpuhkan kebolehan kita untuk berfikir secara kritis? Bagaimanakah kita dapat mencipta suasana pembelajaran kalis “Google” yang menyediakan pelbagai peluang untuk pelajar berfokus dan memberi tumpuan? Alat-alat yang mudah serta strategi pedagogi ICT akan dikongsi sama dalam bengkel ini.

**Penyampaian 2:** IT dan Media baru sinonim dengan generasi kini. Golongan ini tidak kekok, malah berasa janggal jika mereka tidak melungsuri lelaman internet, bersempang melalui rangkaian sosial dan menggunakan teknologi canggih setiap hari. Ketika golongan ini berpendapat bahawa teknologi ini menepati cita rasa kehidupan mereka, ada pula sesetengah pihak yang prihatin terhadap impak yang dibawa gelombang besar ini. Para pendidik juga masih mencari jawapan dalam memanfaatkan ICT di samping menangkis sebarang kesan yang tidak diingini terhadap pengajaran dan pembelajaran. Perkongsian ini akan mengetengahkan idea-idea melalui pemerhatian dan pengalaman penyampai dalam isu yang dibincangkan.

### Biodata:

Puan Roszalina Rawi dan Puan Nor Hanisah Saphari menyertai Institut Pendidikan Nasional Singapura (NIE/NTU) sebagai Felo Pengajar pada tahun 2010. Puan Roszalina menerima Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Melayu dan Ekonomi dari Universiti Nasional Singapura (2001), Diploma Pascasiswazah dalam Pendidikan (Penghususan Bahasa Melayu) dengan Kepujian dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU)/ NIE Singapura (2003), dan Ijazah Sarjana dalam Pendidikan (Bahasa Melayu) dari NTU/NIE (2010). Puan Nor Hanisah pula memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Jabatan Pengajaran Asia Tenggara, Universiti Nasional Singapura (2002) dan Ijazah Sarjana Pendidikan dari Universiti Teknologi Nanyang (2008). Sebelum bertugas di NIE, beliau mempunyai pengalaman mengajar di sekolah rendah, sekolah menengah dan maktab rendah di Singapura selama 16 tahun.



Semua dipersilakan hadir!



## Pelayaran Menjejaki Warisan Sejarah Munsyi Abdullah di Eropah: Sebuah Album Pengalaman



**Dr Hadijah Rahmat**

Profesor Madya, Institut Pendidikan Nasional

**Tarikh:** Rabu, 17 Ogos 2011

**Masa:** 11.00-12.30tgh

**Tempat:** ALC Journal Room (NIE3-03-39)

Institut Pendidikan Nasional, NTU

### Abstrak

Dr Hadijah Rahmat telah menjalankan beberapa kajian mengenai Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1797-1854 AD), seorang pemikir dan penulis ulung dalam Dunia Melayu pada abad ke 19. Baru-baru ini, beliau telah melanjutkan kajian ketika bersabatikal di dua buah universiti di Eropah: Institut Antarabangsa Pengajian Asia (IIAS), Universiti Leiden, dan Sekolah Pengajian Timur dan Afrika (SOAS), Universiti London. Untuk kajian sabatikal ini, beliau mencari jejak-jejak peninggalan Munsyi Abdullah yang masih terdapat di Eropah, jalinan hubungan Abdullah dengan orang-orang Eropah dan bagaimana semua faktor dinamik ini telah mempengaruhi perkembangan sastera Melayu-Indonesia modern dan juga sejarah penjajahan di Asia Tenggara.

Dalam seminar ini, Dr Hadijah akan berkongsi pengalaman beliau meneroka dan meneliti pelbagai bahan sejarah yang terdapat di dua universiti ternama di Eropah ini, khususnya mengenai koleksi manuskrip Melayu lama yang tersimpan di Legatum Wameranum, Universiti Leiden, dan juga di Arkib Persatuan Mubaligh London (1764-1977) di Universiti London. Kegiatan kajian dan pengalaman beliau yang pelbagai dan menarik selama enam bulan di Eropah ini telah dirakamkan dalam foto dan akan dikongsi dan dibincangkan dalam seminar ini.

### Biodata:

Dr Hadijah Rahmat ialah Profesor Madya dan Timbalan Ketua di Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Antara buku-buku yang dihasilkannya termasuk *Sastera dan Manusia Melayu Baru: Kumpulan Esei dan Wawancara* (1998), *Munsyi*, sebuah drama sejarah berdasarkan autobiografi Abdullah bin Sheikh Abdul Kadir Munshi (1998), *Antara Dua Kota: Mengesan Jejak-jejak Peninggalan Munsyi Abdullah di Melaka dan Singapura* (1999), *In Search of Modernity: A Study of the Concepts of Literature, Authorship and Notions of Self in 'Traditional' Malay Literature* (2001), dan *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak Melayu* (2006).



Semua dipersilakan hadir!



## Ciri-ciri Sasterawan Agung



**Dr Budi Darma**

Profesor Emeritus, Universitas Negeri Surabaya

**Tarikh:** Khamis, 1 Disember 2011

**Masa:** 3.00-4.30 ptg

**Tempat:** LT 11 (NIE5-01-LT11)

Institut Pendidikan Nasional, NTU

### Abstrak

Seorang sasterawan agung, pada hakikatnya, adalah seseorang yang mempunyai masalah peribadi, seperti misalnya cacat fizikal, cacat sosial, cacat psikologi, dan lain-lain. Dengan adanya masalah peribadi tersebut, ditambah pula dengan kegagalan-kegagalannya untuk mencapai cita-citanya, seperti misalnya cita-cita untuk menjadi orang terkenal, untuk dicintai, dan lain-lain, sasterawan terdorong untuk “lari” dan “menyembunyikan” diri di dalam dunia fantasinya. Melalui dunia fantasi ini terciptalah “sejenis realiti baru” yang dalam kehidupan sehari-hari sebetulnya tidak ada. “Sejenis realiti baru” ini tidak lain adalah karya sastera yang mampu mencerahkan minda manusia, kerana melalui sejenis “realiti” baru ini, manusia mampu melihat aspek-aspek kehidupan lain yang tidak disedari oleh manusia sebelumnya. Di sini tampak perbezaan antara seorang sasterawan dan seseorang bukan sasterawan yang mempunyai masalah peribadi dan gagal dalam kehidupannya, seperti misalnya Hitler. Sasterawan melalui “sejenis realiti baru”nya tidak ingin mengubah dunia nyata menjadi dunia baru, sementara Hitler berusaha merealisasikan cita-citanya dengan menciptakan perubahan-perubahan nyata, iaitu melalui Perang Dunia II.

### Biodata:

Budi Darma lahir di Rembang, Jawa Tengah, Indonesia, 25 April 1937, dan kini Profesor Emeritus UNESA (Universitas Negeri Surabaya). Untuk dua minggu bermula 22 November 2011, beliau Profesor Pelawat di Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, NIE. Beliau memperoleh pendidikan untuk peringkat PhD dengan tajaan The Ford Foundation dari Indiana University, Bloomington, Indiana, Amerika (1980), dan telah memperoleh beberapa anugerah, antara lain SEA-Write Award (Bangkok, 1984), Anugerah Seni Pemerintah Republik Indonesia (1993), Satya Lencana Kebudayaan Presiden Republik Indonesia (2003), dan Anugerah Sastera Mastera (Brunei Darussalam, 2011).



Semua dipersilakan hadir!



Harap berdaftar dengan Puan Saripah Basir ([saripah.basir@nie.edu.sg](mailto:saripah.basir@nie.edu.sg)) jika anda ingin menghadiri seminar ini.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Penyelaras Siri Seminar Jalinan Budi, Dr Mukhlis Abu Bakar

([mukhlis.abubakar@nie.edu.sg](mailto:mukhlis.abubakar@nie.edu.sg)).